



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS RESAPAN INOVASI *TELEGRAM* DARI ASPEK TINGKAH LAKU DAN PENCAPAIAN MURID DALAM PENULISAN KARANGAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MUHAMMAD AMINUL KHALIL BIN ZAINI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**ANALISIS RESAPAN INOVASI *TELEGRAM* DARI ASPEK
TINGKAH LAKU DAN PENCAPAIAN MURID
DALAM PENULISAN KARANGAN**

MUHAMMAD AMINUL KHALIL BIN ZAINI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) Disember (bulan) 2020

i. Perakuan pelajar :

MUHAMMAD AMINUL KHALIL BIN ZAINI
M20172001998

Saya, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA

NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa

disertasi/tesis yang bertajuk ANALISIS RESAPAN INOVASI TELEGRAM

DARI ASPEK TINGKAH LAKU DAN PENCAPAIAN MURID DALAM

PENULISAN KARANGAN

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. ADENAN BIN AYOB (NAMA PENYELIA) dengan ini

mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk ANALISIS RESAPAN

INOVASI TELEGRAM DARI ASPEK TINGKAH LAKU DAN

PENCAPAIAN MURID DALAM PENULISAN KARANGAN

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Prof. Madya Dr. Adenan Ayob
Pensyarah Kanan,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: ANALISIS RESAPAN INOVASI TELEGRAM DARI
ASPEK TINGKAH LAKU DAN PENCAPAIAN MURID
DALAM PENULISAN KARANGAN

No. Matrik / Matric No.: M20172001998

Saya / I: MUHAMMAD AMINUL KHALIL BIN ZAINI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 11/1/2021

Prof. Madya Dr. A. Lina Arab
Penyerah Kanan,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Bersyukur kepada Ilahi kerana dengan kurnia dan izin-Nya, dapat saya sempurnakan disertasi ini pada masa yang ditetapkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Dr. Adenan bin Ayob dan Dr. Alizah binti Lambri selaku penyelia saya kerana banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar. Nasihat dan motivasi yang diberikan membolehkan saya menjalankan tanggungjawab untuk melaksanakan kajian dengan penuh etika seperti yang diharapkan. Ilmu penyelidikan yang diberikan akan saya gunakan sebaik mungkin untuk memberikan sumbangan pengetahuan dalam bidang ini.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada keluarga dan rakan yang banyak memberikan sokongan sepanjang perjuangan saya menuntut ilmu.

Walaupun pengalaman untuk meneruskan pengajian ke peringkat ini amat mencabar, kata-kata semangat yang diberikan telah mendorong saya menyelesaikan laporan akhir ini. Akhir sekali, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak universiti dan pihak kementerian yang secara langsung membuka ruang kepada saya menjalankan kajian ini sehingga selesai. Semoga kerjasama ini memberikan manfaat buat sistem pendidikan negara.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis tingkah laku dan pencapaian murid dari sudut unsur resapan inovasi aplikasi Telegram dalam penulisan karangan dialog. Objektif kajian ini adalah untuk memerhatikan kekerapan tingkah laku murid semasa menggunakan aplikasi Telegram dari sudut kelebihan relatif dan kesesuaian aplikasi Telegram semasa pengajaran karangan jenis dialog. Kajian ini juga menganalisis unsur resapan inovasi dalam karangan dialog murid setelah menggunakan aplikasi Telegram menerusi skor min ujian pra dan ujian pasca. Perbezaan skor min ujian pra dan ujian pasca kumpulan sedia ada (intek) yang terdiri daripada 32 orang murid Tahun Enam di Perak dianalisis menggunakan statistik Ujian-t Sampel Berpasangan. Kajian berasaskan reka bentuk kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan menerusi pemerhatian dengan menggunakan borang senarai semak tingkah laku murid. Kaedah kuasi eksperimen juga digunakan untuk ujian penulisan karangan dialog. Hasil kajian menunjukkan skor kekerapan tingkah laku adalah positif terhadap semua item senarai semak pemerhatian yang dikaitkan dengan unsur resapan inovasi aplikasi Telegram. Murid dilihat memberikan tumpuan daripada aspek pandangan mata dan postur badan (kekerapan = 28; 87.5%), memaparkan isi pelajaran dalam bentuk yang berbeza (kekerapan = 28; 87.5%), memberikan respons yang pantas dalam pengembangan idea (kekerapan = 28; 87.5%), menggunakan bahasa Melayu yang standard (kekerapan = 26; 81.3%), cekap menggunakan aplikasi Telegram (kekerapan = 24; 75.0%) dan memanfaatkan media tambahan dalam aplikasi tersebut (kekerapan = 17; 53.1%). Hasil analisis ujian-t juga menunjukkan perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pasca, iaitu $t = -7.8$, $p=0.000$, ($p<0.05$). Ini dapat diimplikasikan bahawa penggunaan aplikasi Telegram mampu meningkatkan pencapaian murid dan wajar dipergiat di dalam bilik darjah pada era digital ini.





ANALYSIS OF TELEGRAM DIFFUSION OF INNOVATION FROM THE ASPECT OF STUDENTS' BEHAVIOUR AND ACHIEVEMENT IN ESSAY WRITING

ABSTRACT

This research aims to analyse the students' behaviour and their achievement from the diffusion of innovation aspect while using Telegram application in dialogue essay writing. The research objective is to observe the frequency of students' behaviour while using the Telegram application from the point of relative advantage and the suitability of Telegram application during the teaching of dialogue essay writing. This research also analysed the diffusion of innovation in students' dialogue essay after using the Telegram application through the mean score of pre test and post test. The difference between the mean score from pre test and post test of intact group which is formed of 32 Year Six students in Perak was analysed using Paired Sample T-test statistic. The research is based on quantitative design which used the surveying method through observation by using the students' behaviour check list form. Quasi-experiment method was also used for the dialogue essay writing. The result of this study shows the behaviour frequency score is positive for all items in the observation check list that are related to the diffusion of innovation of Telegram application. Students are seen to be giving attention from the aspect of eye view and body posture (87.5%), displaying the academic content in different forms (87.5%), giving quick responses during the development of ideas (87.5%), using formal Malay Language (81.3%), efficient in using the Telegram application (75.0%) and utilizing the additional media that are available in that application (53.1%). The result of t-test analysis also shows a significant difference between pre test and post test mean score, which is $t = -7.8$, $p = 0.000$, ($p < 0.05$). Thus, it can be implied that the use of Telegram application is able to improve students' achievement and it is relevant to be used in classrooms in the digital era we are living in.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi



SENARAI RAJAH	xiii
----------------------	------

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Soalan Kajian	6
1.6	Hipotesis Kajian	7
1.7	Kerangka Teoretikal Kajian	7
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.9	Definisi Operasional	15
1.9.1	Analisis Resapan Inovasi	15



1.9.2	Aplikasi Telegram	17
1.9.3	Tingkah Laku Murid	20
1.9.4	Pencapaian Murid	22
1.9.5	Penulisan Karangan	24
1.9.6	Teori Resapan Inovasi	26
1.10	Batasan Kajian	29
1.11	Kepentingan Kajian	29
1.12	Rumusan	30

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	31
2.2.1	Isu dalam Teori Konstruktivisme	36
2.3	Teori Resapan Inovasi	40
2.3.1	Konsep	40
2.3.2	Peringkat Penerimaan Inovasi	44
2.3.3	Unsur Resapan Inovasi	50
2.3.4	Kategori Penerima Inovasi	53
2.3.5	Isu dalam Teori Resapan	57
2.4	Aplikasi Telegram	60
2.5	Kemahiran Menulis dalam Sukatan Pelajaran	64
2.6	Kajian Lepas	67
2.6.1	Unsur Resapan Inovasi	68
2.6.2	Penggunaan Aplikasi Telegram	73
2.6.3	Pengajaran Karangan Bahasa Melayu	81

2.6.4	Ulasan Kajian Lepas	86
2.7	Rumusan	90

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.3	Sampel Kajian	92
3.4	Lokasi Kajian	93
3.5	Instrumen Kajian	94
3.6	Kesahan	96
3.7	Kebolehpercayaan	96
3.8	Ujian Kenormalan Data	98
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	99

3.10	Penganalisan Data	103
3.11	Rumusan	104

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	105
4.2	Analisis Pemerhatian Tingkah Laku	106
4.3	Analisis Pencapaian	112
4.4	Rumusan	120

BAB 5 KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	121
5.2	Kesimpulan	122
5.3	Perbincangan dan Implikasi	124
5.4	Cadangan	133

5.5	Rumusan	135
-----	---------	-----

RUJUKAN	136
----------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Tafsiran Unsur Resapan Inovasi	16
1.2 Tafsiran Senarai Semak Tingkah Laku	21
1.3 Peraturan Pemarkahan	23
2.1 Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi	65
3.1 Kebolehpercayaan Instrumen Ujian Rintis	97
3.2 Ujian Kenormalan Data Pemerhatian	98
3.3 Ujian Kenormalan Data Ujian Pra dan Ujian Pasca	99
3.4 Prosedur Pengumpulan Data	100
3.5 Prosedur Pelaksanaan Pemerhatian Tingkah Laku	101
3.6 Penganalisan Data	104
4.1 Kekerapan Tingkah Laku Item 1	106
4.2 Kekerapan Tingkah Laku Item 2	107
4.3 Kekerapan Tingkah Laku Item 3	108
4.4 Kekerapan Tingkah Laku Item 4	109
4.5 Kekerapan Tingkah Laku Item 5	110
4.6 Kekerapan Tingkah Laku Item 6	111
4.7 Taburan Skor Pencapaian Ujian Pra	113
4.8 Pecahan Tahap Karangan Ujian Pra	114
4.9 Taburan Skor Pencapaian Ujian Pasca	115



4.10	Pecahan Tahap Karangan Ujian Pasca	116
4.11	Perbezaan Skor Min Ujian Pra dan Ujian Pasca	118
4.12	Ujian-t Sampel Berpasangan	119





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoretikal Kajian	10
1.2 Kerangka Konseptual Kajian	13
2.1 Proses Perkembangan Bahasa Konstruktivisme Sosial	33
2.2 Model Penerimaan	41
2.3 Faktor Penentu Kadar Resapan Inovasi	43
2.4 Peringkat Proses Resapan Inovasi	45
2.5 Kategori Penerima Inovasi	54
2.6 Pengguna Aplikasi Telegram	62





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Bab ini menerangkan secara keseluruhan tentang kajian yang ingin dilaksanakan. Topik yang diuraikan bermula dengan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif dan soalan kajian dan hipotesis kajian. Untuk memberikan gambaran tentang pembolehubah yang terlibat dalam kajian, kerangka teoretikal kajian dan kerangka konseptual kajian dibina. Definisi operasional pula akan menjelaskan konsep penting yang perlu difahami kerana konsep ini berlanjutan dalam setiap bab seterusnya. Bahagian ini juga menjelaskan teori yang menjadi sandaran kepada pengkaji untuk memastikan kajian ini dilaksanakan bertepatan dengan teori yang telah dibuktikan dalam kajian lain sebelum ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kualiti pendidikan di sesebuah negara bergantung kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah. Ketika pelaksanaan Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), proses PdP lebih berpusatkan guru. Interaksi di dalam bilik darjah bersifat sehalu kerana guru bergantung kepada buku teks untuk menyampaikan isi pelajaran (Ikhsan Othman & Norila Md. Salleh, 2014). Guru mula menggunakan teknologi untuk mencetuskan suasana pembelajaran aktif ketika Kurikulum Baharu Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan. Perkembangan positif ini diteruskan apabila Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina. Pembelajaran abad ke-21 telah membuka peluang yang sama rata kepada semua murid untuk memanfaatkan teknologi dalam aktiviti PdP (Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Mohammad Zohir Ahmad, 2017).



Perubahan kurikulum membuktikan teknologi pendidikan dapat memberikan nilai tambah dalam proses PdP. Teknologi pendidikan bermula dengan penggunaan bahan visual seperti gambar, carta dinding, peta, glob, bahan relia dan model-model bahan terbuang sebelum wujud alat pandang dengar, slaid projektor dan media asas komputer pada lewat tahun 1980-an (Jauriah Azali, 2014). Oleh itu, KPM menyarankan para guru untuk melaksanakan inovasi ke arah meningkatkan standard kualiti pendidikan di Malaysia (Zakaria Omar, 2014). Normah Husin et. al (2014) menegaskan bahawa pelbagai aplikasi telefon pintar telah dibangunkan untuk menyokong corak pembelajaran mudah alih (*mobile learning*). Situasi ini selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan bahan pembelajaran inovasi mudah alih sebagai penggerak kurikulum pada masa hadapan (Saedah Siraj, 2015).





Penggunaan bahan inovasi berasaskan teknologi menggalakkan proses PdP yang lebih komprehensif bagi semua mata pelajaran. Pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah juga tidak terkecuali apabila kurikulum KSSR Bahasa Melayu turut menyatakan bahawa TMK perlu diresapkan dalam proses PdP. Inovasi seperti perisian interaktif dapat memperkenalkan aspek kemahiran bahasa kepada murid menerusi visual dan audio (Shirley Hong, 2014). Banyak kajian mendapati bahawa penggunaan TMK dapat dihubungkan dengan konsep pembelajaran tertentu (Korwin & Ronald, 2016). Oleh itu, guru perlu merancang bahan pengajaran berinovasi untuk meningkatkan kompetensi bahasa murid (Asri Fatimah & Santiana, 2017).

Pembelajaran Bahasa Melayu berasaskan bahan inovasi mudah alih juga dapat mempengaruhi aspek afektif dan kognitif murid. Hal ini disebabkan teknologi mudah alih menawarkan pengamatan bahasa tanpa batasan apabila murid dapat mengintegrasikan keperluan komunikasi harian dan pengalaman budaya sekaligus meningkatkan minat mereka dalam bidang bahasa (Djohan Rahman & Hezrina Manikam, 2015). Mesej dan maklumat bahasa yang ingin disampaikan dapat diperjelas menerusi paparan pelbagai media yang dikutip daripada Internet secara global (Dodgson & Gann, 2015). Kenyataan ini membuktikan bahawa penggunaan bahan berinovasi adalah relevan untuk meningkatkan penguasaan bahasa. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat kesan penggunaan aplikasi mudah alih dalam kemahiran menulis di sekolah rendah berasaskan kepada ciri inovasi aplikasi tersebut.





1.3 Pernyataan Masalah

Aplikasi mudah alih digunakan secara progresif di negara Asia Pasifik untuk meningkatkan kualiti pendidikan (Aminuddin Hassan et. al, 2015). Hal ini disebabkan aplikasi mudah alih seperti Telegram mampu mengubah tingkah laku pembelajaran murid ketika menikmati persekitaran bilik darjah digital dan kondusif serta bermatlamat (Nouredine Azmi, 2017). Aplikasi Telegram juga terbukti meningkatkan pencapaian karangan menerusi aktiviti interaksi dalam talian yang diterjemahkan dalam bentuk penulisan yang lebih formal (Mojtaba & Mahsa, 2018).

Daripada kenyataan di atas, dapat difahami bahawa aplikasi Telegram sesuai dijadikan bahan pengajaran untuk mengatasi masalah kemahiran menulis karangan kerana selama ini kebanyakan karangan tidak ditulis dengan baik dan berkesan sehingga mengganggu proses penandaan (Awang Sariyan, 2018). Kajian Jeffery Tikok (2018) turut mendedahkan bahawa berlaku penurunan pencapaian gred A dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) selama tiga tahun berturut-turut yang berpunca daripada masalah penulisan karangan.

Banyak faktor yang menyebabkan berlakunya penurunan pencapaian ini. Yahya Othman dan Suzanawaty Osman (2014) menegaskan bahawa guru sering menyekat keupayaan berfikir murid kerana dengan mudahnya menyediakan rangka karangan. Rohaida Yusop dan Zamri Mahmood (2015) mendapati kebanyakan guru sukar mengubah teknik penyampaian kandungan kepada bentuk yang lebih segar. Guru seharusnya menggunakan aplikasi mudah alih seperti aplikasi Telegram untuk melibatkan murid secara aktif di dalam bilik darjah (Marzini Mokhtar et. al, 2017).





Namun, kebanyakan guru tidak meyakini keupayaan aplikasi mudah alih terhadap pencapaian murid (Suzlina Baharuddin & Jamaludin Badusah, 2016). Keupayaan aplikasi mudah alih sebenarnya boleh dikenal pasti menerusi perspektif Teori Resapan Inovasi (Fallan, 2015). Kenyataan ini berdasarkan kajian Ismail et. al (2014) yang telah membina Skala Penerimaan Pembelajaran Mudah Alih berasaskan Teori Resapan Inovasi dengan menggunakan ujian KMO dan Barlett. Kajiannya mendapati bahawa unsur resapan inovasi dalam bahan pembelajaran mudah alih mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Oleh itu, Shahfiezul Shahaimi dan Fariza Khalid (2017) cuba mengkaji penerimaan aplikasi VLE Frog dan mendapati tahap penerimaan guru terhadap ciri inovasi aplikasi VLE Frog adalah sederhana.



VLE Frog untuk meninjau tahap penerimaan guru, bukannya tahap penggunaan murid sedangkan suatu isu dapat dilihat dengan lebih mendalam jika tahap penggunaan murid dikaji (Sanni, 2014). Kajian tersebut juga tidak memfokuskan kemahiran dalam mata pelajaran tertentu. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji unsur resapan inovasi aplikasi Telegram dalam aktiviti penulisan karangan jenis dialog di sekolah rendah. Unsur resapan inovasi ini dianalisis menerusi tingkah laku dan pencapaian murid kerana bagi Mayer (2014), proses kognitif yang aktif bermula daripada tingkah laku seseorang semasa menikmati pembelajaran multimedia sekali gus akan mempengaruhi pencapaian mereka. Kajian ini dilaksanakan dengan kaedah tinjauan menerusi pemerhatian dan kaedah kuasi eksperimen yang melibatkan 32 orang sampel. Data dianalisis secara deskriptif dan inferensi menerusi ujian-t sampel berpasangan.





1.4 Objektif Kajian

Daripada pernyataan masalah di atas, kajian ini dilaksanakan untuk:

- i. Meninjau tingkah laku murid berasaskan kepada unsur kelebihan relatif dan unsur kesesuaian aplikasi Telegram dalam aktiviti penulisan karangan jenis dialog.
- ii. Menganalisis perbezaan pencapaian kumpulan intelek selepas menggunakan aplikasi Telegram untuk penulisan karangan jenis dialog.

1.5 Soalan Kajian



Kajian ini diharapkan dapat menjawab soalan-soalan kajian yang berikut:

- i. Apakah skor kekerapan tingkah laku murid berasaskan unsur kelebihan relatif dan unsur kesesuaian aplikasi Telegram dalam aktiviti penulisan karangan jenis dialog?
- ii. Apakah skor min ujian pra dan ujian pasca kumpulan intelek selepas menggunakan aplikasi Telegram untuk penulisan karangan jenis dialog?
- iii. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dengan skor min ujian pasca kumpulan intelek selepas menggunakan aplikasi Telegram untuk penulisan karangan jenis dialog?





1.6 Hipotesis Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mengkaji unsur resapan inovasi aplikasi Telegram dan kesan penggunaan Telegram dalam pengajaran karangan jenis dialog. Yang berikut ialah hipotesis kajian dan hipotesis alternatif dalam kajian ini:

Ho: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan skor min ujian pasca kumpulan intelek selepas menggunakan aplikasi Telegram untuk penulisan karangan jenis dialog.

Ha: Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan skor min ujian pasca kumpulan intelek selepas menggunakan aplikasi Telegram untuk penulisan karangan jenis dialog.



1.7 Kerangka Teoretikal Kajian

Kajian ini memfokuskan unsur resapan inovasi bagi melihat kesan penggunaan aplikasi Telegram dalam penulisan karangan jenis dialog. Kesan tersebut dapat dilihat menerusi Teori Resapan Inovasi yang diasaskan Everett M. Rogers (1985). Teori ini telah menjadi salah satu teori yang popular dalam kajian model penerimaan (Yuksel, 2014). Rogers berpendapat bahawa penerimaan inovasi bergantung kepada saluran tertentu dalam sebuah sistem sosial pada suatu tempoh tertentu (Zakaria Omar, 2014).

Inovasi boleh berbentuk idea, teknologi, perkhidmatan, barangan atau teknik-teknik yang berkembang dalam sistem sosial untuk diamalkan oleh ahlinya (Zakaria





Omar, 2014). Teori Resapan Inovasi pula berupaya menjelaskan mengapa sesuatu inovasi mudah diterima khalayak dan mengapa ada kalanya gagal diterima dalam sesebuah sistem (Shirley Hong, 2014). Kajian ini tidak melihat keseluruhan faktor resapan inovasi yang dinyatakan dalam teori Rogers, sebaliknya hanya mengambil kira dua unsur resapan inovasi daripada lima unsur resapan inovasi yang asal.

Rogers (2003) menggunakan istilah *five perceived attributes of innovations* bagi merujuk kepada unsur kelebihan relatif, kesesuaian, kerumitan, kebolehujaian dan kebolehceraaan. Unsur ini menjadi petunjuk ciri inovasi yang hadir untuk diresapkan dalam sebuah sistem sosial. Hanya dua unsur resapan inovasi daripada lima yang dikemukakan Rogers akan dianalisis dalam kajian ini iaitu unsur kelebihan relatif dan unsur kesesuaian. Pemilihan ini disebabkan oleh kedua-dua unsur tersebut merupakan unsur terkuat yang boleh mempengaruhi penerimaan dan penggunaan suatu inovasi (Mazhar et. al., 2017). Oleh itu, dua unsur ini sesuai diaplikasikan dalam kajian yang mengambil kira murid sekolah rendah sebagai responden untuk penggunaan aplikasi Telegram dalam pengajaran karangan jenis dialog.

Banyak kajian turut menggunakan asas Teori Resapan Inovasi ini untuk melihat penerimaan dan keberkesanan penggunaan suatu bahan pengajaran berinovasi. Namun kajian ini memfokuskan pemerhatian terhadap tingkah laku murid dan pencapaian murid yang melibatkan dua unsur resapan inovasi yang terpilih iaitu kelebihan relatif dan kesesuaian. Seperti kajian unsur resapan inovasi yang lain, tidak semestinya lima unsur resapan inovasi yang diketengahkan oleh Rogers (2003) perlu diuji dalam kajian. Kenyataan ini berdasarkan kajian yang dibuat oleh Amin Alamiah dan Ahmed Al






Mulhem (2018) yang hanya menggunakan unsur kelebihan relatif dan unsur kesesuaian untuk mengenal pasti faktor penerimaan murid terhadap bahan pengajaran mudah alih.

Kerangka teoretikal kajian di bawah menunjukkan proses tindakan guru untuk mengatasi isu penulisan karangan berasaskan unsur resapan inovasi yang diramalkan wujud dalam aplikasi Telegram. Unsur tersebut dapat dianalisis menerusi pemerhatian tingkah laku murid. Kesan penggunaan aplikasi Telegram juga dapat dikenal pasti setelah ujian penulisan karangan jenis dialog dilaksanakan.

Model CIPP di bawah sesuai digunakan untuk membuat keputusan tentang penggunaan bahan pengajaran mudah alih dalam pengajaran karangan dialog. Kenyataan ini selari dengan pandangan Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2018) yang mengatakan bahawa pemerhatian dan ujian dibuat ketika peringkat pelaksanaan dan peringkat hasil sebelum guru membuat keputusan untuk melaksanakan kaedah pengajaran secara berterusan atau menangguhkan keputusan untuk intervensi yang lain.





Rajah 1.1. Kerangka Teoretikal Kajian. Diolah daripada model CIPP Stufflebeam (1971).



Kerangka teoretikal kajian ini berlandaskan kepada model CIPP Stufflebeam (1971) yang kerap digunakan untuk menilai isu dalam pendidikan. Terdapat empat peringkat utama yang menentukan hasil penilaian pendidikan. Menurut Hasmaliza Hasan (2016), peringkat pertama merupakan peringkat konteks untuk menentukan objektif kajian setelah mengenal pasti isu di dalam bilik darjah. Kajian ini dibuat bertujuan untuk melihat keupayaan aplikasi Telegram dalam pengajaran karangan dialog menerusi pemerhatian terhadap tingkah laku murid seterusnya mengenal pasti hasil pencapaian murid dalam ujian penulisan karangan. Peringkat input disokong oleh asas teori dalam kajian ini iaitu dua unsur resapan inovasi. Unsur kelebihan relatif dan kesesuaian aplikasi Telegram akan disuaikan dalam senarai semak pemerhatian tingkah laku penggunaan aplikasi mudah alih dalam kajian Houstun & Jennifer (2015). Senarai semak ini disediakan sebelum pemerhatian tingkah laku dilaksanakan. Kajian ini juga menonjolkan teori pembelajaran bahasa konstruktivisme secara tidak langsung.

Peringkat ketiga pula ialah pelaksanaan penggunaan aplikasi Telegram sebagai bahan pengajaran karangan jenis dialog. Tingkah laku murid akan diperhatikan ketika murid mula menggunakan aplikasi tersebut untuk memperlihatkan struktur bahasa, pengolahan idea dan isi penting karangan dialog. Pemerhatian tersebut ditadbir oleh guru yang dilantik secara berjadual. Produk akhir pula ialah karangan dialog lengkap yang terbina daripada proses pembelajaran menggunakan aplikasi mudah alih Telegram. Murid akhirnya berhasil menulis karangan dialog secara sendiri dan bersedia diuji dalam ujian.






1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Satu kerangka konseptual kajian dibina bagi menjelaskan hubungan pembolehubah. Dalam banyak kajian yang melibatkan Teori Resapan Inovasi, penggunaan dan penerimaan bahan inovasi menjadi pembolehubah bersandar (Bingham & Frenndreis, 1980; Brown, 1981; Freeman & Felbinger, 1984; Fennell, 1984; Moore & Benbasat, 1991; Bingham, Hu, Chau & Sheng, 2002; Rogers, 2003; Kim & Galliers, 2004; Al-Ghaith, Sanzogni & Sandhu, 2010; Sanni, 2014). Pendapat ini disokong dengan bukti yang dibawa oleh Sanni (2014) bahawa 60% daripada kajian berkenaan teori ini menggunakan tahap penerimaan inovasi sebagai pembolehubah bersandar.

Penentuan pembolehubah bersandar dan tidak bersandar dalam kajian ini perlu diteliti dari pelbagai sudut. Kupasan Rogers (2003) dalam Sanni (2014) merumuskan bahawa terdapat tiga perkara penting yang perlu diberikan perhatian sebelum menentukan pembolehubah. Pertama, pembolehubah tidak bersandar mesti mendahului pembolehubah bersandar dalam aturan masa yang ditetapkan. Hal ini bermaksud pembolehubah tidak bersandar hadir dahulu sebelum kesan yang dapat dilihat pada pembolehubah bersandar. Kedua, pembolehubah bersandar dan pembolehubah tidak bersandar mesti berkaitan untuk menampakkan prinsip sebab-akibat. Ketiga, pembolehubah tidak bersandar mesti mempunyai asas teori yang kukuh untuk mempengaruhi pembolehubah bersandar. Asas teori juga dapat menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian ini. Pendapat Rogers tersebut menghasilkan kerangka konseptual kajian seperti rajah di bawah.





Rajah 1.2. Kerangka konseptual kajian. Adaptasi kajian Sanni Ademola (2014).



Daripada pendapat dan rajah yang dikemukakan di atas, justeru kajian ini menetapkan dua unsur resapan inovasi iaitu unsur kelebihan relatif dan unsur kesesuaian aplikasi Telegram sebagai pembolehubah tidak bersandar. Hal ini disebabkan unsur resapan inovasi jelas berasaskan teori dan mampu menunjukkan kesan kepada pembolehubah bersandar. Unsur resapan inovasi ini disesuaikan dengan tanggapan ciri aplikasi Telegram dalam senarai semak pemerhatian. Dua unsur resapan inovasi ini juga secara tidak langsung menentukan keberkesanan aplikasi Telegram dalam pembelajaran karangan jenis dialog menerusi analisis pencapaian murid.

Penetapan pembolehubah bersandar turut bergantung kepada objektif kajian. Terdapat kajian yang menjadikan penggunaan inovasi sebagai pembolehubah bersandar (Sanni, 2014). Kajian yang dijalankan oleh Zaltman, Duncan and Holbek (1973) misalnya memilih penggunaan inovasi sebagai pembolehubah bersandar, bukannya penerimaan inovasi kerana mereka menyedari terlalu banyak masalah penggunaan inovasi berbanding penerimaannya. Pada peringkat penggunaan, pengkaji dikatakan mampu melihat isu dengan lebih mendalam. Sanni (2014) telah memberikan contoh perbezaan ‘penerimaan’ dengan ‘penggunaan’ inovasi dalam suatu kajiannya. Dengan mengambil contoh alat senaman, sekiranya seseorang membeli alat senaman, ia dianggap telah menerima inovasi tetapi masih belum mencapai peringkat penggunaan selagi alat senaman itu belum digunakan (Klein & Knight, 2005; Sanni, 2014).

Daripada kenyataan di atas, kajian ini memilih tahap penggunaan inovasi bukannya tahap penerimaan inovasi. Tahap penggunaan inovasi dilihat berdasarkan tingkah laku pembelajaran dan pencapaian ujian pasca murid untuk dipilih sebagai pembolehubah bersandar. Skor kekerapan tingkah laku pembelajaran murid akan





dianalisis untuk mengenal pasti unsur resapan inovasi yang dipercayai wujud dalam aplikasi Telegram. Bagi analisis pencapaian pula, skor min ujian pra dan skor min ujian pasca akan diuji secara inferensi dengan ujian-t sampel berpasangan bagi melihat kecenderungan kesan penggunaan aplikasi tersebut.

1.9 Definisi Operasional

Untuk memahami proses operasional kajian ini, konsep yang berkaitan perlu dijelaskan. Definisi operasional memberikan makna yang khusus untuk kajian ini. Terdapat terma yang perlu dijelaskan mengikut pandangan sarjana dan kajian lepas khususnya yang berkaitan dengan teori dan pembolehubah yang terlibat.



1.9.1 Analisis Resapan Inovasi

Resapan inovasi merujuk kepada unsur resapan inovasi yang menjadi salah satu faktor yang mempengaruhi kadar penerimaan suatu inovasi. Dalam kajian resapan inovasi, unsur kelebihan relatif, kesesuaian, kerumitan, kebolehujian dan kebolehcerahan merujuk kepada istilah yang berbeza daripada yang disebutkan Rogers (2003) sebagai *five perceived attributes of innovations*. Kelly (2014) lebih selesa menggunakan istilah kualiti inovasi. Kualiti inovasi yang dimaksudkan ialah keupayaan yang tinggi lima unsur tersebut untuk mempengaruhi kadar penerimaan inovasi. Miyuki (2018) pula meluaskan makna unsur resapan inovasi sebagai ciri (*characteristics*) yang digunakan oleh penyebar inovasi untuk meyakinkan individu lain. Fahmi Mahamood (2018)





mengukuhkan pendapatnya tentang lima unsur resapan inovasi tersebut sebagai konstruk utama inovasi sebelum inovasi diterima dan diguna pakai.

Daripada definisi di atas, dapat difahami bahawa unsur resapan inovasi ialah lima ciri penyebab kepada penerimaan dan penggunaan inovasi. Kajian ini menggunakan istilah ‘unsur’ bagi menggantikan ciri. Istilah ‘resapan’ pula ditekankan kerana berasakan perlu untuk ditonjolkan keupayaan bahan pengajaran yang meresapi pembelajaran murid. Oleh itu, analisis resapan inovasi boleh didefinisikan sebagai pengenalpastian unsur yang wujud pada suatu bahan inovasi yang dapat diresapkan untuk digunakan. Setiap unsur saling berkaitan dan mengandungi tafsiran tahap penerimaan dan tahap penggunaan seperti yang dijelaskan oleh Virginia (2016).



Tafsiran Unsur Resapan Inovasi. Sumber: Virginia Coleman (2016)

Unsur Resapan Inovasi	Tafsiran
Kelebihan Relatif	Tanggapan tentang inovasi yang diterima adalah lebih baik berbanding dengan yang digantikan
Kesesuaian	Sesuai dengan nilai semasa bergantung kepada pengalaman lalu dan potensi selepas penerimaan
Kerumitan	Tahap kesukaran untuk memahami dan menggunakan suatu inovasi
Kebolehuajian	Inovasi boleh diguna pakai dalam tempoh percubaan sebelum diterima sepenuhnya
Kebolehcerahan	Mudah bagi orang lain melihat faedah dan kelebihan inovasi yang diterima





Dalam kajian ini, hanya dua unsur yang akan dianalisis iaitu unsur kelebihan relatif dan unsur kesesuaian aplikasi Telegram. Dua unsur resapan inovasi tersebut dianalisis dalam instrumen senarai semak pemerhatian tingkah laku pembelajaran. Tingkah laku murid akan dioperasionalisasikan secara deskriptif menerusi skor kekerapan untuk melihat nilai unsur resapan inovasi yang wujud dalam aplikasi Telegram. Untuk menganalisis pencapaian murid pula, skor min pencapaian ujian pra dan pasca murid dibandingkan secara inferensi dengan menggunakan ujian statistik ujian-t sampel berpasangan.

1.9.2 Aplikasi Telegram



Aplikasi Telegram sama seperti bahan pengajaran mudah alih yang lain yang bertindak sebagai medium pengajaran yang menyeronokkan. Dalam pendekatan *mobile learning* (pembelajaran mudah alih), aplikasi mudah alih seperti Telegram dimuat turun daripada Internet ke dalam alat mudah alih peribadi seperti telefon pintar, komputer riba atau tablet untuk digunakan dalam sesi pembelajaran (Ronizam Ismail et. al, 2016). Guru dan murid boleh menggunakan aplikasi tersebut tanpa batas waktu dan tempat. Menurut Vivienne (2016), aplikasi Telegram juga mampu digunakan pada pelbagai peranti secara serentak bertujuan untuk menyampaikan mesej dengan segera dan lancar merentasi telefon pintar, tablet dan komputer.

Oleh sebab penggunaannya amat meluas, Telegram turut digunakan dalam bidang pendidikan oleh guru dan murid. Fungsi aplikasi yang lebih formal dan menarik menjadikan Telegram pilihan pelbagai bidang. Hal ini turut diakui oleh Syazwani






Ismail et. al. (2016) yang berpandangan bahawa aplikasi seperti Telegram sedia mengubah corak pembelajaran murid generasi sekarang yang sedia selesa menggunakan teknologi.

Dalam bidang pendidikan, aplikasi Telegram telah dimafaatkan untuk mengajar pelbagai kemahiran khususnya kemahiran bahasa. Aplikasi Telegram dipilih dalam kajian ini kerana aplikasi tersebut menonjolkan inovasi proses pembinaan karangan sebelum disempurnakan dalam bentuk penulisan yang sebenar. Aplikasi Telegram membantu murid menjelaskan idea dengan lebih yakin tanpa memikirkan masalah tatabahasa (Mojtaba & Mahsa, 2016).

Penekanan terhadap tatabahasa hanya diberikan selepas perbualan disusun semula untuk membentuk karangan yang mantap berdasarkan aturan komponen karangan yang terdiri daripada pendahuluan, isi penting dan penutup. Tiga komponen ini merupakan faktor yang menentukan kualiti penulisan karangan (Aisyah Abdullah et. al., 2016). Murid yang menggunakan aplikasi Telegram dapat meneliti semula kandungan perbualan untuk mencerakinkan tiga komponen penting tersebut sebelum proses pemurnian karangan.





Rajah 1.3. Contoh Penggunaan Aplikasi Telegram dalam Aktiviti Penulisan Karangan Dialog.

Langkah 1:

Murid bersama pasangan/kumpulan merangka isi perbualan tentang soalan tugasan (tajuk karangan).

Langkah 2:

Murid memulakan perbualan berpandukan rangka karangan dan bebas mengeluarkan idea yang berkaitan.





Langkah 3:

Murid menyemak perbualan penuh dan menyaring maklumat dengan susunan format pendahuluan, isi penting dan penutup.

Langkah 4:

Murid menulis karangan lengkap dengan format karangan dialog.

1.9.3 Tingkah Laku Murid

Tingkah laku boleh dianalisis sekiranya mempunyai nilai yang dapat diukur menerusi pemerhatian. Untuk mengumpul data mengenai tingkah laku khusus, skor perlu dicatatkan pada senarai semak pemerhatian (Creswell, 2014). Analisis pemerhatian merujuk kepada data skor yang diambil secara sistematik semasa membuat pemerhatian untuk ditulis dalam laporan (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, 2018). Aspek yang sering diperhatikan di dalam bilik darjah ialah tingkah laku murid. Kajian ini mengambil kira pemerhatian terhadap tingkah laku murid semasa menggunakan aplikasi Telegram. Pemerhatian dibuat untuk mengkaji kewujudan unsur resapan inovasi dalam aplikasi Telegram semasa proses pembelajaran penulisan karangan jenis dialog. Analisis tingkah laku tersebut berpandukan kepada tanggapan tentang dua unsur resapan inovasi Telegram semasa murid menyiapkan tugas pembelajaran karangan dialog.



Pemerhatian dilaksanakan secara berstruktur dan berkala dengan menggunakan borang senarai semak terhadap dua dimensi unsur resapan inovasi Telegram iaitu kelebihan relatif dan kesesuaian aplikasi tersebut. Terdapat tiga julat skala tahap tingkah laku murid pada borang ini yang terdiri daripada “1=Tidak Pernah”, “2=Jarang” dan “3=Kerap”. Unsur kelebihan relatif dan kesesuaian resapan inovasi aplikasi Telegram dipercayai wujud semasa murid melaksanakan aktiviti pemesejan segera (*instant messaging*) dengan menggunakan aplikasi Telegram untuk membina karangan jenis dialog. Dua unsur resapan inovasi tersebut dioperasionalisasikan secara deskriptif dengan mengambil skor kekerapan yang dicatatkan.

Jadual 1.2

Resapan Inovasi	Pemerhatian Tingkah Laku
Kelebihan Relatif	Murid memberikan perhatian dari segi pandangan mata dan postur badan. Murid memaparkan isi pelajaran dalam bentuk yang berbeza daripada bentuk tradisional. Murid memberikan respons yang pantas ketika mengembangkan idea tentang topik.
Kesesuaian	Murid menggunakan bahasa Melayu yang standard tanpa pencemaran bahasa. Murid cekap menggunakan Telegram untuk berkomunikasi dengan rakan. Murid memanfaatkan media tambahan dalam Telegram selain teks seperti audio, video, grafik, emotikon atau pelekat (<i>sticker</i>).



1.9.4 Pencapaian Murid

Lazimnya pencapaian murid dalam kemahiran bahasa diukur menerusi ujian. Pencapaian murid boleh dianalisis dengan menggunakan kaedah eksperimen. Analisis pencapaian murid dibuat untuk melihat kesan sesuatu program, aktiviti dan kaedah dalam keadaan sampel kajian tidak dapat dipilih secara rawak (Ghazali Darusalam & Sufean Husin, 2018). Dalam kajian ini, analisis pencapaian murid merujuk kepada hasil penulisan karangan dialog kumpulan intelek menerusi ujian pasca. Ujian pasca dilaksanakan setelah kumpulan intelek menjalankan sesi pembelajaran dengan menggunakan aplikasi Telegram.

Hasil penulisan akan dinilai berdasarkan peraturan pemarkahan dan kriteria penskoran karangan Bahagian C yang mengikut standard Lembaga Peperiksaan Malaysia. Aspek yang dinilai adalah sama ada calon menjawab tugas dan menepati idea, pengolahan dan penyampaian, ayat, kosa kata dan jenis kata serta ejaan dan tanda baca. Semua aspek ini dinilai untuk menentukan kriteria penskoran berdasarkan peraturan pemarkahan seperti jadual di bawah.



Jadual 1.3

Peraturan Pemarkahan Karangan Bahagian C oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. (2017).

Peringkat	Markah	Kriteria Pencapaian
Cemerlang	20-25 23-25 (Tinggi) 20-22 (Rendah)	i. Idea menepati tugas. ii. Pengolahan idea sangat baik dan penyampaian yang jelas, tersusun dan menarik. iii. Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis serta bertepatan dengan tugas. iv. Penggunaan kata dan kosa kata yang luas serta sesuai dengan tugas. v. Penggunaan ejaan dan tanda baca yang betul.
Baik	14-19 17-19 (Tinggi) 14-16 (Rendah)	i. Idea menepati tugas. ii. Pengolahan idea yang baik dan penyampaian yang jelas dan menarik. iii. Penggunaan pelbagai ayat yang gramatis serta bertepatan dengan tugas. iv. Penggunaan kata dan kosa kata yang baik serta sesuai dengan tugas. v. Terdapat beberapa kesalahan ejaan dan tanda baca tetapi tidak menjejaskan karangan.
Memuaskan	10-13 12-13 (Tinggi) 10-11 (Rendah)	i. Idea masih menepati tugas. ii. Pengolahan idea ringkas dan mudah dengan penyampaian yang kurang menarik. iii. Penggunaan ayat yang kurang gramatis tetapi berkaitan dengan tugas. iv. Penggunaan kata dan kosa kata sederhana. v. Terdapat beberapa kesalahan ejaan dan tanda baca.

Peringkat	Markah	Kriteria Pencapaian
Kurang Memuaskan	6-9	i. Idea masih/kurang menepati tugas. ii. Pengolahan idea yang kurang jelas dan penyampaian tidak menarik. iii. Penggunaan ayat tidak gramatis. iv. Penggunaan kata dan kosa kata yang terhad. v. Terdapat kesalahan penggunaan ejaan dan tanda baca yang agak ketara.
Belum Mencapai Tahap Penguasaan Minimum	1-5	i. Idea kurang/tidak menepati tugas. ii. Pengolahan idea tidak menarik. iii. Penggunaan ayat tidak gramatis. iv. Pada keseluruhannya calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.

Kriteria penskoran ini berfungsi untuk menentukan skor ujian penulisan karangan dialog. Analisis pencapaian murid dioperasionalisasikan menerusi skor min ujian pra dan skor min ujian pasca kumpulan intelek yang tidak dipilih secara rawak. Berdasarkan Creswell (2014), kaedah kajian ini dinamakan sebagai kaedah kuasi eksperimen yang menggunakan kumpulan intelek. Oleh itu, keputusan ujian akan dianalisis secara inferensi dengan menggunakan statistik ujian-t sampel berpasangan sekali gus menjawab soalan kajian dan hipotesis kajian.

1.9.5 Penulisan karangan

Pengajaran karangan pada dasarnya adalah sama tanpa mengira jenis karangan. Guru perlu memastikan murid diajarkan teknik mengarang mengikut aturan yang betul khususnya bagi karangan berformat seperti karangan jenis dialog. Karangan jenis dialog terbahagi kepada banyak jenis dan mempunyai bentuk format yang hampir sama.



Karangan jenis ini berbentuk percakapan dan melibatkan sekurang-kurangnya dua pihak yang saling bertanya dan berkongsi pendapat (Azhar Salleh & Omar Alivi, 2018). Seperti karangan lain, karangan dialog juga mempunyai pendahuluan, isi penting dan penutup perbualan. Lazimnya, soalan tugas dalam kertas peperiksaan memberikan gambaran jenis karangan dialog yang perlu ditulis oleh murid sama ada dalam bentuk perbualan, wawancara atau temu ramah.

Untuk jenis perbualan, calon sering dikehendaki menulis perbualan secara tidak formal tentang suatu tajuk yang agak mudah dan santai. Berbeza dengan wawancara atau temu ramah, topik tugasannya lebih formal seputar isu semasa yang memerlukan murid menyusun idea yang lebih berfakta. Hal ini membuktikan bahawa karangan dialog juga memerlukan isi penting yang perlu diolah dengan mantap. Oleh itu, guru perlu mengajarkan teknik penulisan dengan kreatif dan inovatif bagi memastikan murid menghuraikan fakta dan menggarab isi penting dengan baik (Adenan Ayob, 2015).

Dalam peperiksaan, kebanyakan murid tidak akan mengambil risiko untuk menjawab karangan berformat seperti karangan dialog kerana murid didapati sering gagal mengikut format dan kehendak tugas (Marzini Mokhtar et. al, 2017). Karangan jenis dialog juga dianggap sukar kerana murid perlu mencipta perbualan sendiri untuk menentengahkan isi penting (Azhar Salleh & Omar Alivi, 2018). Sukar bagi murid mewujudkan dua watak imaginasi sedangkan mereka bersifat individu semasa menulis karangan. Struktur perenggan karangan dialog juga berbeza daripada karangan lain dan tidak menampilkan dengan jelas ayat huraian dan ayat contohnya. Penggunaan Telegram diharapkan dapat mengatasi masalah ini kerana aplikasi tersebut mempunyai ciri pemesejan segera yang dapat membantu murid mencipta percakapan dua hala.





Dari segi teknikal, paparan muka perbualan dalam aplikasi Telegram membantu murid meneliti semula kandungan karangan untuk disusun sebagai satu karangan yang jitu berdasarkan prinsip pembinaan karangan yang standard. Secara berpasangan atau berkumpul, murid perlu mengeluarkan idea dalam lingkungan topik perbualan yang diberikan. Isi penting topik karangan dapat diperhatikan dengan jelas apabila ada huraian dan hujah yang menjawab pertanyaan rakan. Pada akhir sesi perbualan, murid akan membuat kesimpulan hasil perbincangan tentang topik.

1.9.6 Teori Resapan Inovasi



Teori Resapan Inovasi dikenal pasti salah satu teori sosial. Menurut Diana (2015),

Rogers mendefinisikan resapan sebagai proses suatu inovasi berhubungan menerusi saluran tertentu dari semasa ke semasa dalam kalangan ahli sistem sosial. Merujuk definisi resapan inovasi yang dikemukakan oleh Rogers, penting untuk memahami empat elemen utama dalam Teori Resapan Inovasi. Empat kunci utama tersebut ialah inovasi itu sendiri, saluran komunikasi, masa dan sistem sosial.

Inovasi

Inovasi sering dikaitkan dengan idea baharu yang terbentuk daripada idea asal yang telah dicipta. Zakaria Omar (2014) menyentuh pendapat Rogers yang menggambarkan inovasi sebagai idea, amalan atau projek yang dianggap sebagai baharu oleh individu atau kumpulan lain yang boleh diterima pakai. Pandangan Rogers tentang inovasi berlainan dengan pandangan sarjana lain kerana terdapatnya tiga aturan penting





sebelum sesuatu idea dianggap sebagai inovasi (Naresh, 2015). Pengetahuan, pemujukan dan keputusan merupakan tingkat proses resapan inovasi yang perlu dilalui oleh semua idea yang dianggap baharu (Syaza Zaini et. al., 2018).

Halangan utama bagi suatu idea inovasi itu diterima ke dalam sistem sosial ialah ketidakpastian kesan penerimaan inovasi. Tahir dan Syed Wajid (2015) menurunkan contoh ketidakpastian kesan inovasi. Individu yang berada dalam proses membuat keputusan akan memikirkan persoalan kepentingan dan manfaat inovasi tersebut. Untuk mengurangkan ketidakpastian kesan penerimaan inovasi, pengetahuan tentang kelebihan dan kekurangan inovasi perlu didedahkan kepada ahli dalam sistem sosial. Situasi ini dapat mengembalikan keyakinan individu untuk menerima inovasi yang cuba disebarkan kepadanya.



Saluran Komunikasi

Saluran komunikasi mampu mempengaruhi keputusan ahli sistem sosial. Menurut Kelly (2014), Rogers memaknakan saluran komunikasi sebagai proses komunikasi yang berlangsung dalam kalangan ahli sistem sosial untuk berkongsi maklumat bagi mencapai persefahaman bersama. Komunikasi tersebut berlaku bersandarkan sumber yang diperoleh. Sumber pada pandangan Rogers ialah individu atau institusi yang menjanakan mesej idea inovasi (Shirley Hong, 2014). Saluran pula berfungsi untuk menyalurkan idea tersebut kepada ahli sistem sosial. Terdapat perbezaan tugas menyampaikan idea inovasi yang dilaksanakan saluran komunikasi seperti media berbanding tugas komunikasi interpersonal individu. Rogers percaya bahawa tugas media massa dan elektronik tidak mampu menandingi tugas komunikasi dua hala atau interpersonal dalam penerimaan idea inovasi (Diana, 2015). Hal ini disebabkan





komunikasi interpersonal dipengaruhi faktor kesamaan latar belakang, sosioekonomi, pendidikan, status dan sebagainya (Freddy, 2018). Alasan ini membuktikan bahawa saluran interpersonal lebih tinggi pengaruhnya dalam peringkat pemujukan dan keputusan penerimaan inovasi.

Masa

Masa merupakan elemen penting dalam menentukan kadar penerimaan inovasi. Dimensi masa menjadi alasan kukuh bagaimana resapan inovasi boleh berlaku dalam sistem sosial. Menurut Miyuki (2018), masa juga dapat menentukan kadar resapan inovasi yang dipengaruhi elemen proses inovasi-keputusan, pengkategorian penerima inovasi dan unsur resapan inovasi itu sendiri. Kenyataan ini turut diterima oleh Syaza Zaini et. al. (2018) yang menegaskan bahawa masa merujuk kepada waktu yang diperlukan oleh sistem sosial untuk menerima inovasi. Proses resapan yang terancang dikatakan berlangsung dalam masa yang ditetapkan menerusi amalan komunikasi dalam sistem sosial.

Sistem Sosial

Resapan inovasi berlangsung dalam kitaran sosial. Kelly (2014) bersetuju tentang resapan inovasi yang merupakan proses universal dalam perubahan sosial. Rogers menggambarkan sistem sosial sebagai satu set kumpulan daripada satu unit yang saling berkaitan dan terlibat dalam proses penyelesaian masalah untuk mencapai matlamat bersama (Tahir & Syed Wajid, 2015). Resapan inovasi yang berlaku dalam sistem sosial dipengaruhi oleh struktur sosial dalam kalangan ahli sistem sosial. Rogers turut mendakwa bahawa sistem sosial hakiki mempengaruhi inovasi sehingga mewujudkan kriteria utama untuk mengkategorikan golongan penerima inovasi (Naresh, 2015).





1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada dua unsur resapan inovasi dalam Teori Resapan Inovasi Rogers. Tujuan pengkaji memfokuskan aspek unsur resapan inovasi adalah untuk mengkaji kewujudan unsur resapan inovasi dalam aplikasi Telegram ketika murid menggunakannya dalam sesi pembelajaran menulis karangan dialog. Sampel kajian ini juga dibataskan kepada murid Tahun Enam di sebuah sekolah kebangsaan dalam daerah Batang Padang, Perak. Pemilihan ini dibuat berdasarkan faktor umur dan pencapaian yang hampir sama dalam kumpulan intelek yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah. Pengkaji turut mengambil kira kemampuan sampel untuk menggunakan aplikasi Telegram. Kajian ini juga terbatas untuk penulisan karangan jenis dialog kerana fungsi pemesejan segera (*instant messaging*) aplikasi Telegram bersifat perbualan yang mirip kepada format karangan dialog. Aplikasi Telegram dipilih berbanding aplikasi pemesejan lain disebabkan fungsi aplikasi ini yang lebih meluas (Vivienne, 2016).

1.11 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada sarjana pendidikan yang ingin mengkaji perkembangan penggunaan bahan mudah alih dalam pengajaran karangan di sekolah rendah. Dapatan kajian ini diharapkan mampu meyakinkan para guru terhadap keupayaan aplikasi Telegram khususnya untuk diterapkan dalam sesi PdP. Murid turut mendapat manfaat daripada kajian ini kerana aplikasi teknologi terkini menggalakkan pembelajaran konstruktivisme untuk membuka peluang kepada murid meneroka dan





membina pengetahuan. Murid lebih seronok belajar kerana terlibat dalam satu proses sosial yang disertai rakan dan guru (Faridah Nazir & Tuan Jah Tuan Yusof, 2014).

Kajian ini juga diharapkan dapat menjelaskan maklum balas para guru terhadap penggunaan bahan mudah alih yang bercirikan inovasi teknologi di sekolah. Hasil perbincangan tentang analisis tingkah laku dan pencapaian murid diharapkan dapat membantu usaha kerajaan untuk merapatkan jurang pendidikan sekolah luar bandar dengan sekolah bandar dari sudut penggunaan teknologi secara optimum.

1.12 Rumusan



Bab ini telah membincangkan pengenalan terhadap unsur resapan inovasi aplikasi Telegram. Pernyataan masalah juga memberikan gambaran keseluruhan tentang pentingnya kajian berasaskan unsur resapan inovasi dilakukan. Teori Resapan Inovasi menjadi teori asas penyelidikan bagi membolehkan kajian ini dihasilkan pada landasan yang tepat. Bab ini juga telah membincangkan pembolehubah dalam kajian yang akan dianalisis secara terperinci pada bab seterusnya.

